



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan
Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TIMBALAN PENGARAH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
(KUMPULAN 2)
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TIMBALAN PENGARAH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Disaster Management* / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau kelulusan iktisas dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

2. Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sekurang-kurangnya berpangkat Leftenan Kolonel atau dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sekurang-kurangnya berpangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis.

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian dan/atau mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan dan operasi bencana atau sebanding adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memantau dan memastikan fungsi Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dilaksanakan dengan berkualiti dan sempurna selaras dengan Perintah Pengurusan Bencana 2006;



2. Merancang, membentuk dan melaksanakan program-program Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan yang mengikut kehendak semasa serta mendokong peranan dan hasrat Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan;
3. Membantu Pengarah dalam pelaksanaan, penyelarasan peranan serta hal ehwal pentadbiran dan kewangan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan;
4. Membantu Pengarah dalam membentuk dasar dan polisi Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan bagi memantapkan keupayaan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan serta penyelarasan *Standard Operating Procedure (SOP)*, Plan Kontingensi, Plan Tindakan Pengurangan Risiko Bencana dan penghasilan *Joint Emergency Operation Plan (JEOP)*;
5. Membantu Pengarah dalam memantapkan hubungan kerjasama pihak-pihak berkenaan (*Focal Points*) nasional, serantau dan antarabangsa; dan
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.